

BAB 2

KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Penggunaan kaedah pengajaran bahasa kepada orang-orang pekak telahpun diperkenalkan di negara-negara Barat bermula pada penghujung abad ke-16. Kaedah pengajaran bahasa orang-orang pekak di negara Barat adalah berbeza-beza. Terbentuknya kaedah pengajaran di negara Barat, telah menarik minat pengkaji tempatan untuk mengkaji kejayaan pendekatan pengajaran di negara barat. Akhirnya pengkaji tempatan berjaya membentuk pendekatan pengajaran dan diperkenalkan di sekolah-sekolah bagi membantu kanak-kanak pekak. Kini kanak-kanak pekak berjaya menguasai bahasa isyarat hasil daripada kaedah pengajaran yang diperkenalkan di sekolah-sekolah oleh kementerian pendidikan. Buktinya telah ramai orang pekak berjaya dalam menguasai bahasa dan akhirnya membawa kepada kejayaan dalam akademik.

Kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada usaha kerajaan mencipta pendekatan pengajaran bahasa yang tepat. Kaedah ini amat bersesuaian dengan sifat kebahasaan orang pekak. Mereka boleh menguasai bahasa daripada kaedah-kaedah yang diperkenalkan. Umpamanya kaedah Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT), bacaan bibir, pertuturan dan pengejaan jari.

Kaedah atau pendekatan pengajaran bahasa merupakan asas yang paling utama untuk mencapai objektif pendidikan. Kaedah pengajaran ialah suatu usaha memudahkan proses pembelajaran bahasa melalui berbagai-bagai cara. Pengajaran yang menggunakan

berbagai-bagai kaedah adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pengajaran yang menggunakan hanya satu kaedah sahaja.

2.1 Kajian Barat

Dalam abad kelapan belas dan kesembilan belas, kanak-kanak tidak normal atau cacat diasuh dan dididik di institusi khas, iaitu mereka diasingkan daripada kanak-kanak normal. Ini kerana masyarakat percaya bahawa kanak-kanak cacat perlu dilatih melalui program khas di institusi khas disebabkan oleh kecacatan mereka. Terdapat ramai tokoh-tokoh terkemuka di Barat yang berusaha membantu secara langsung atau tidak langsung pendidikan khas pada abad tersebut. Pada tahun 1760 Juan Bonet telah menubuhkan sebuah sekolah untuk kanak-kanak pekak di Sepanyol. Kemudian pada tahun 1787-1851 Thomas Hopkins Gallaudet berbangsa Amerika mengemukakan usaha dan idea beliau iaitu kanak-kanak pekak boleh berhubung melalui bahasa isyarat dan ekspresi muka. Sementara Alexander Graham Bell (1847-1922) menyatakan kanak-kanak cacat pendengaran boleh bertutur sekiranya daya pendengarannya diperkuatkan. Hasilnya, menjelang tahun 1900 kebanyakan sekolah awam di Amerika Syarikat telah menubuhkan kelas khas bagi mereka yang pekak dan bermasalah dalam pertuturan.

2.1.1 Pendekatan Sepanyol

Sejarah mencatatkan tentang kaedah pendidikan orang-orang pekak bermula di negara Sepanyol pada waktu negara itu di puncak kekuasaan ekonomi, sesudah penemuan dan penaklukan Amerika Tengah yang bermula pada penghujung abad ke-16. Sungguhpun kemahiran menjadi guru pertama bagi orang pekak biasanya dihubungkan dengan Pedro de Leon (1520-1584), seorang padri Benedictine yang disanjung kerana mengajar kanak-

kanak pekak dari golongan bangsawan Sepanyol untuk bercakap dengan jayanya, tetapi buku pertama tentang pengajaran orang-orang pekak ditulis oleh rakan senegaranya, iaitu Juan Martin Pablo Bonet (1579-1620) dalam bukunya *The Reduction of Letters of the Art Of Teaching the Mute to Speak*. Dia mengemukakan perkara-perkara seperti berikut:

- a) Kanak-kanak pekak seharusnya terlebih dahulu diajar abjad tangan (hal ini pada dasarnya sama dengan abjad satu-tangan yang digunakan sekarang ini di Amerika Syarikat)
- b) Setiap orang yang hidup serumah dengan kanak-kanak pekak seharusnya belajar abjad tangan ini.
- c) Kanak-kanak pekak seharusnya diajar membunyikan tiap-tiap huruf bermula dengan huruf-huruf vokal.
- d) Kanak-kanak pekak hendaklah sesudah itu diajar tentang suku kata dan kemudian kata.
- e) Apabila kanak-kanak pekak sudah mempelajari beberapa perbendaharaan kata dengan caranya ini, ia hendaklah diajar berbahasa dengan cara memperkenalkan tatabahasa sistematik.

Dalam buku tersebut terdapat juga ulasan-ulasan yang paling awal yang pernah dicatatkan berkenaan dengan pembacaan bibir:

“Untuk orang-orang pekak-bisu memahami apa-apa yang dikatakan kepadanya dengan gerakan bibir dan lidah, maka tidak diperlukan pengajaran:.... Gerakan-gerakan itu, dengan sistem yang membolehkan orang-orang pekak-bisu memahaminya dari bibir sahaja, tidak dilakukan dengan pengajaran.”

(Dalam Tan Chin Guan 1981: 12)

Amatlah menarik jika kita memperhatikan bahawa hasil daripada penyelidikan akhir-akhir ini di United Kingdom dengan jelasnya menyokong pendapat Bonet bahawa pembacaan bibir tidak dapat diajarkan. Didapati bahawa kanak-kanak di sekolah pekak tidaklah lebih baik pembacaan bibirnya walaupun sesudah mendapat pendidikan menurut kaedah lisan

(oralisme) selama 10 tahun jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang berpendengaran yang tidak mempunyai latihan atau amalan dalam pembacaan bibir itu sama sekali.

2.1.2 Pendekatan Perancis

Padri Besar Charles Miche de L' Epee (1712-1789) begitu yakin dengan pendekatan isyarat untuk orang-orang pekak bagi tujuan berkomunikasi dalam kalangan mereka. Beliau percaya bahawa orang-orang pekak berkemampuan untuk berfikir dan menyatakan sebab musabab melalui penggunaan isyarat-isyarat ini. Dengan demikian Padri besar itu mengambil isyarat-isyarat yang digunakan oleh orang-orang pekak di Paris dan kemudian memperkembangkan lagi perbendaharaan isyarat-isyarat itu. Beliau juga memperkenalkan isyarat-isyarat metodik untuk tujuan menimbulkan bahasa isyarat dengan tatabahasa bahasa Perancis. Melalui penggunaan sistem ini murid-murid pekak itu dengan mudah dapat menulis apa-apa yang direncanakannya kepada mereka dengan cara menggunakan bahasa isyarat.

Kaedah Padri ini dirujuk sebagai kaedah tangan (manual method), sebagai lawan kaedah lisan (oralist method) yang digunakan oleh mereka yang mencadangkan supaya pengajaran bahasa lisan kepada orang-orang pekak diberi keutamaan. Dikemukakannya kaedah tangan pada waktu itu, dan pengkritik utama terhadap kaedah padri itu ialah orang Jerman yang bernama Samuel von Heinicke (1729-1790). Walaupun butir-butir terperinci berkenaan kaedahnya itu tidak pernah diterbitkan, von Heinicke menjadi terkenal sebagai pencipta kaedah Jerman atau kaedah lisan sebagai lawan kaedah Perancis atau kaedah tangan yang dipelopori oleh Padri de L' Epee. Oleh sebab kerja-kerja Padri de L' Epee dan juga penggantinya, Abbe Roch Ambroise Cucurron Sicard, dijalankan dalam masa negara

Perancis agak kuat daripada segi kebudayaan, politik dan ketenteraan di Eropah, iaitu dalam masa Perancis di bawah pemerintahan Louis XV hingga Napoleon yang terakhir kaedah tangan atau kaedah Perancis bagi pendidikan orang-orang pekak digunakan secara meluasnya di Eropah. Kaedah ini berkembang hingga ke negara Amerika Syarikat secara tidak sengaja. Kaedah lisan ini menarik minat Thomas Hopkins Gallaudet, dan beliau ingin mempelajarinya daripada Braidwood Family di England, tetapi tidak mengajarkan kaedah ini kepada Thomas, sedangkan Thomas menerima undangan terbuka daripada Padri Sicard untuk belajar kaedah tangan di Paris (Tan Chin Guan 1981: 11).

Gallaudet kemudian membawa salah seorang murid Sicard yang pekak dan yang terbaik, iaitu Laurent Clerc pulang bersamanya ke Amerika Syarikat untuk mengendalikan sekolah awam pertama bagi kanak-kanak pekak di Amerika Syarikat, iaitu di Hartford Connecticut 1817. Disitulah Clerc membuktikan dirinya sebagai model pameran yang terbaik. Pada akhir 1870-an, hampir satu pertiga daripada jumlah guru-guru bagi orang-orang pekak di Amerika Syarikat terdiri daripada mereka yang pekak.

Kaedah pendidikan orang-orang pekak yang diperkenalkan oleh Clerc ke Amerika Syarikat adalah kaedah yang dipelajari daripada Sicard di Paris. Dalam kaedah ini abjad tangan dan isyarat tangan sebahagian besarnya digunakan untuk komunikasi am di samping untuk tujuan pengajaran. Sungguhpun perhatian diberikan juga pada pembacaan bibir dan pertuturan hal ini biasanya dirujuk sebagai kaedah lisan-tangan.

2.1.3 Pendekatan Rusia

Penyelidikan tentang penghasilan bahasa dan pengejaan tangan sebagai kaedah yang lain untuk mengajar kanak-kanak pekak dimulakan sesudah Perang Dunia Kedua oleh orang-

orang Rusia, yang menamakan kaedah ini kaedah *neo-oralisme*. Menjelang awal tahun-tahun 1960-an, sesudah diadakan penilaian terhadap 70 rancangan yang serupa itu di Soviet Union, ahli-ahli penyelidik di Moscow Institute of Defectology yakin bahawa mereka mempunyai data empiris yang cukup untuk menunjangi tuntutan bahawa *neo-oralisme* lebih tinggi nilainya jika dibandingkan dengan kaedah lisan. Jawatankuasa Lewis yang melaporkan penemuannya di United Kingdom dalam tahun 1967 tentang *Education of Deaf Children, the Possible Place of Fingerspelling and Signing* mempunyai pendapat yang berikut tentang *neo-oralisme*:

“Jelaslah bagi kami daripada yang diperlihatkan, bahawa orang-orang Rusia lebih berjaya daripada kita dalam perkembangan bahasa, perbendaharaan kata dan pertuturan kanak-kanak pekak apabila kanak-kanak ini dimasukkan dalam sistem pendidikan. Bagi kami ini merupakan suatu hal yang penting untuk menggemari kaedah mereka. Penggunaan pengejaan tangan dari awal mulanya sebagai alat untuk perkembangan bahasa, komunikasi dan pertuturan dan penyelidikan tentang kaedah ini adalah tujuan utama lawatan kami.”

(Tan Chin Guan, 1981: 16)

Konsep asas bagi neo-oralisme adalah suatu konsep yang tertua, walaupun pada waktu itu konsep itu sudah dicuba pada tahun 1888 di Rochester School for the Deaf, New York, oleh E.Z Westervelt, dan amalannya dilanjutkan di Rochester School itu walaupun sesudah kongres Milan pada tahun 1880. Sungguhpun penerapannya dari tarikh itu dibataskan hanya kepada kanak-kanak pekak dalam lingkungan umur 12 tahun atau lebih yang digolongkan sebagai mereka yang menghadapi kegagalan lisan. Hasil usaha Roschester itu tidaklah begitu menakjubkan.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ahli-ahli Rusia ada mengeluarkan hasil yang dituntut oleh kanak-kanak pekak. Hasil yang dapat mengesahkan

tuntutan ahli-ahli Rusia itu. Bagaimanapun juga, diperoleh kemudian daripada kanak-kanak pekak di Amerika Syarikat oleh S. Quingley 1969, maka jelaslah bahawa kelainan daripada kaedah Rochester dan neo-oralisme itu sebahagian besarnya disebabkan oleh kelainan peringkat umur, yang merupakan titik tolak penggunaan lisan yang dilakukan secara serentak dengan pengejaan tangan, yang diperkenalkan kepada kanak-kanak pekak. Kanak-kanak di Soviet Union didedahkan kepada neo-oralisme pada peringkat umur 2 tahun atau lebih awal daripada itu. Sedangkan di Rochester School tidak ada kanak-kanak yang didedahkan kepada pengejaan tangan sebelum umur 12 tahun atau lebih. Pentingnya kaedah ini dalam peringkat umur yang awal ditegaskan sebagai ajaran yang penting dalam falsafah aliran lisan. Tetapi tidak pernah diberi peluang untuk membuktikan nilainya itu, dalam kaedah lisan-tangan, dalam mana-mana negara Eropah atau Amerika Syarikat sejak Kongres Milan dalam tahun 1880. Neo-oralisme tidak hanya memperkenalkan penggunaan pendekatan lisan-tangan tetapi juga pendekatan bahawa resolusi-resolusi yang disetujui dalam Kongres Milan 1880.

2.1.4 Pendekatan Amerika

Pada tahun 1960-an hingga tahun 1970-an kaedah lisan tangan diperkenalkan di negara ini. Ini menghasilkan pertubuhan rancangan-rancangan pengajaran awal yang menggunakan semua strategi komunikasi termasuk gerak-geri lakonan, seni lukis, bacaan, tulisan, percakapan, pembacaan bibir, latihan mendengar, pengejaan tangan dan juga isyarat tangan untuk tujuan mempertingkatkan kesemua kemahiran bahasa dalam kalangan kanak-kanak pekak.

Falsafah yang mengasaskan pendekatan dalam pendidikan kanak-kanak pekak ini diberi nama Komunikasi Seluruh (KS) atau *Total Communication*. Ini bukanlah kaedah pendidikan yang baru bagi kanak-kanak pekak dan juga bukan merupakan konsep pendidikan yang baru. Guru pra-sekolah yang tidak menerapkan strategi-strategi KS ini dalam pengajaran murid-murid mereka, tidaklah boleh dianggap sebagai guru yang mempunyai ikhtisas yang tinggi. Yang baru pada KS ini ialah strategi-strategi ini diperjuangkan dengan lebih kuatnya untuk kegunaan kanak-kanak pekak.

Ringkasnya dengan mengambil alih falsafah KS ini, kita hanyalah mengatakan bahawa kanak-kanak pekak tidak seharusnya dibiarkan dalam keadaan kekurangan dengan tidak memberi manfaat strategi-strategi pendidikan yang bebas diberikan kepada kanak-kanak yang berpendengaran. Manakala komunikasi tangan dalam pengejaan tangan dan isyarat-isyarat tangan merupakan pilihan yang perlu dalam komunikasi bagi kanak-kanak pekak.

2.2 Kajian Di Malaysia

Ini bermula pada tahun 1954 apabila Lady Templer yang juga merupakan isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu ketika itu telah mengasaskan Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan di Pulau Pinang. Ianya merupakan sekolah pertama di Tanah Melayu dan dibina khusus untuk memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak pekak.

Pendidikan khas untuk kanak-kanak masalah pendengaran di Malaysia mula diterokai oleh Dr. Field, C.E, Lady Templer dan Bingham R.P pada tahun 1952. Manakala Pendidikan Khas Formal bagi kanak-kanak pekak di Malaysia bermula pada tahun 1954 (Chua Tee Tee,1976). Pada tahun 1963, Kelas-Kelas Pendidikan Khas Rancangan

Percantuman Cacat Pendengaran dibuka di sekolah rendah dan sekolah menengah biasa yang dipilih. Kaedah komunikasi seluruh diperkenalkan untuk menggubal sistem Bahasa Melayu Kod Tangan pada tahun 1978. Jawatankuasa Kebangsaan Kurikulum Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional ditubuhkan pada tahun 1984. Pada tahun 1985, Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Komunikasi Seluruh dan Jawatankuasa Kerja Kecil Kod Tangan dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tahap II Bahasa Malaysia Kod Tangan dan Jawatankuasa Kerja Kecil Pengubalan Kod Tangan Pendidikan Vokasional dan Teknikal turut ditubuhkan pada tahun 1987, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional pertama dibuka di Shah Alam. Kurikulum sekolah rendah dibentuk berlandaskan Perakuan 57 (a) Laporan Kabinet pada tahun 1979.

Puan Saleena Yahaya Isa melibatkan dirinya sebagai pekerja sukarela untuk kebajikan orang-orang pekak sejak tahun 1954 dan menjadi guru di sekolah kanak-kanak pekak di Pulau Pinang. Puan Saleena adalah ahli Jawatankuasa Kerja Komunikasi Seluruh yang merancang pengubahan Bahasa Malaysia Kod Tangan untuk Orang-orang Pekak. Beliau juga orang pertama melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan di sekolah kanak-kanak pekak pada tahun 1959.

Bahasa Malaysia Kod Tangan bertujuan memberi sistem perlambangan abstrak yang sepenuhnya kepada orang-orang pekak. Walaupun hanya dalam bentuk tulisan dan isyarat, supaya segala sesuatu dari segi kebudayaan dan tamadun yang terkandung dalam bahasa boleh dinikmati oleh mereka seperti orang-orang yang berpendengaran.

Profesor Asmah Haji Omar merupakan seorang yang aktif dalam memperjuangkan pendidikan kebahasaan kepada kanak-kanak pekak seluruh Malaysia.

Beliau begitu banyak menulis tentang orang-orang pekak dalam jurnal-jurnal tempatan. Asmah Haji Omar juga giat menterjemahkan penulisan tentang kanak-kanak pekak ke dalam Bahasa Malaysia.

Berdasarkan kajian-kajian bahasa isyarat orang-orang pekak yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar adalah melalui proses pengamatan dan pengalaman yang dilalui dan dimasukkan melalui deria menyebabkan orang pekak mencipta isyarat untuk keperluan asas komunikasi. Mengikut Asmah Haji Omar (1986) isyarat-isyarat yang dihasilkan oleh orang pekak merupakan keperluan minimum mereka untuk berhubung. Oleh itu didapati unsur-unsur persekitaran banyak mempengaruhi pembentukan bahasa isyarat orang pekak termasuklah;

- pergerakan benda saiz benda
- sifat benda
- kelainan dan keistimewaan benda
- lakon kembali
- perbuatan berdasarkan budaya

Hasil dari penyelidikan perpustakaan, kajian latihan ilmiah oleh Yeoh Chiang Kee pada tahun 1969. Kajian yang membicarakan aspek pengajaran Bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak, pernah beliau menghadiri kursus selama setahun sebagai guru ilmu khas (pendidikan pekak) di Universiti Manchester, England (1964) dan mempunyai pengalaman mengajar kanak-kanak pekak selama tiga tahun.

Yeoh Chiang Kee (1969) mengambil aspek pengajaran pertuturan dalam kalangan murid-murid pekak sebagai persoalan kajiannya. Pengajaran pertuturan ini dikenali juga sebagai kaedah oralisme. Kaedah yang ditekankan ialah berdasarkan kepada kaedah pembacaan bibir. Beliau cuba mencadangkan berbagai-bagai kaedah untuk mengajar

murid-murid pekak bertutur dengan baik. Usaha beliau pada masa itu, sekurang-kurangnya telah dapat membantu tahap 'pertuturan' dalam kalangan murid-murid pekak (di sekolah yang dikajinya).

Namun demikian, penyelidikan mutakhir yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa berkenaan murid-murid pekak memperlihatkan bahawa bahasa berkenaan murid-murid pekak memperlihatkan bahawa kaedah oralisme itu ternyata gagal dalam usaha memperkembangkan bahasa dalam kalangan mereka. Oleh itu, pada tahun 1970-an wujud komunikasi seluruh yang menekankan komunikasi seluruh tetapi sekaligus merangkumi bahasa isyarat dan pengejaan jari dalam mengajar bahasa dalam kalangan kanak-kanak pekak.

Kajian penulisan tempatan seperti Sulaiman Masri (1974) berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa, memperlihatkan bahawa kanak-kanak pekak mudah memahami perkataan yang berbentuk suruhan, tegahan dan rangkai kata berbanding dengan percakapan pendek, cerita, pantun dan lakonan. Mereka mudah juga memahami bahasa isyarat dan pantas menguasainya berbanding dengan bacaan bibir. Mereka sukar juga mengikuti pelajaran lisan di dalam kelas. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pelajar-pelajar pekak dapat memahami sebahagian daripada ayat bahasa Melayu yang diajukan kepada mereka. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan tersebut supaya dapat dijadikan panduan kepada guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kepada mereka.

Manakala Pertuturan Kiu Bahasa Melayu pula, mula diperkenalkan kebelakangan ini. Mengikut Mohd. Hasyim Omar (1984) perubahan pendekatan yang diamalkan di

Malaysia adalah akibat daripada perubahan yang berlaku di Barat tentang pengajaran bahasa kepada orang pekak. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan pendekatan terbaru, terbaik dan efektif dalam medium pengajaran. Hal ini selaras dengan kehendak golongan pendidik dan ibu bapa yang mahu anak-anak mereka diberi pendidikan seperti anak-anak yang normal.

Berdasarkan satu kajian yang dilakukan oleh Chua Tee Tee (1980) terhadap guru-guru yang mengajar kanak-kanak pekak di Malaysia tentang pilihan pendekatan pengajaran, didapati majoriti daripada guru-guru terbabit memilih pendekatan bahasa isyarat atau komunikasi seluruh dengan bersandarkan alasan bahawa ia mudah dikendalikan dan amat berkesan. Asmah Haji Omar (1986) apabila membincangkan tentang pendekatan tersebut, menyatakan bahawa setiap pendekatan tersebut ada baik dan buruknya. Manakala Abdullah Yusoff (1995e), yang membincangkan berkaitan dengan pendekatan pengajaran bahasa telah menyenaraikan kebaikan dan keburukan cara penggunaan dan kesan ke atas pendidikan serta kebolehan berbahasa dalam kalangan pelajar pekak.

Abdullah Yusoff telah merumuskan bahawa pemilihan satu-satu pendekatan hendaklah dilihat melalui ciri-ciri tertentu yang ada pada pelajar pekak juga. Di antaranya ialah bilakah seseorang itu pekak, sikap orang pekak terhadap bahasa yang dipelajari dan apakah tujuan dan matlamat pengajaran bahasa tersebut. Umpamanya, jika kepekakan seseorang dapat dikesan pada peringkat bayi lagi, latihan-latihan mendengar dan pertuturan hendaklah dimulakan seawal-awal yang boleh supaya ianya dapat didedahkan dengan bunyi-bunyi bahasa dan bukan bahasa. Dengan demikian pendekatan pertuturan dan

pembacaan bibir adalah sesuai bagi kanak-kanak ini. Namun begitu, darjah kepekakan seseorang juga perlu diambil kira kerana adalah sia-sia dan tidak munasabah mengajar secara ini kepada mereka yang pekak teruk.

Manakala bagi yang cacat teruk, isyarat adalah yang sesuai bagi mereka kerana pendekatan ini berbentuk alamiah bagi mereka yang tidak berpendengaran. Sikap orang pekak terhadap sesuatu bentuk komunikasi yang digunakan perlu diberi perhatian dalam pemilihan pendekatan pengajaran bahasa kepada mereka supaya masa mengajar bahasa tidak menjadi sia-sia kerana dia tidak menggunakannya. Walaupun berteraskan iklim pendidikan semasa untuk orang pekak di Malaysia, pendekatan komunikasi seluruh adalah paling sesuai digunakan sebagai medium penyampai ilmu atau bahasa persekolahan.

Berdasarkan kajian Abdullah Yusoff (1995) pula orang pekak menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi sama ada untuk menyampaikan fikiran, perasaan dan sebagainya. Bahasa yang digunakan ini amat berbeza daripada bahasa yang digunakan oleh masyarakat. Mereka menggunakan bahasa isyarat, iaitu bahasa yang tidak membabitkan sebarang bunyi suara. Bahasa isyarat merujuk kepada penggunaan seluruh anggota badan seperti tangan, muka, badan, kepala, kaki dan sebagainya semasa berkomunikasi. Pergerakan anggota-anggota tersebut membawa makna tertentu semasa berkomunikasi.

Beliau juga menghuraikan perkaitan antara fikiran dengan persekitaran dalam pembentukan isyarat orang pekak. Dalam kehidupan, persekitaran banyak mempengaruhi kehidupan manusia. Pengaruh itu berlaku terhadap bahasa, kepercayaan, kebudayaan, tingkah laku dan sebagainya. Manakala bagi orang pekak kemasukan maklumat melalui

deria terutamanya melalui deria penglihatan membentuk persepsi mereka terhadap alam. Alam persekitaran yang melingkungi kehidupan serta identiti sesuatu diadaptasikan untuk membentuk isyarat sebagai medium komunikasi.

Gupta, Abdullah dan Goh (1995) yang meneliti kefahaman lisan pelajar pekak terhadap struktur ayat bahasa Melayu yang diadaptasikan daripada “*Rhode Island Test of Language Structure*”, dengan menggunakan Komunikasi Seluruh BMKT. Iaitu bahasa persekolahan mereka mendapati pelajar pekak sukar memahami ayat-ayat yang dilakukan dengan isyarat kepada mereka. Walaupun berdasarkan 20 jenis ayat yang dijadikan bahan kajian, didapati pelajar-pelajar pekak mudah memahami ayat tunggal berbanding dengan ayat majmuk. Hal ini juga memperlihatkan bahawa pelajar pekak sukar memahami isyarat digunakan berdasarkan struktur bahasa isyarat mereka.

Pada peringkat ayat, didapati pola binaan ayat mereka adalah berlainan dengan ayat Bahasa Melayu. Kelainan ini bukan akibat daripada kesalahan yang dilakukan tetapi ayat-ayat tersebut adalah umum dan lazim dalam tulisan pelajar pekak kerana banyak sampel yang melakukan hal yang sama. Secara perbandingan, pelajar pekak dikatakan lemah dalam penulisan.

Berdasarkan kajian Goh dan Teh 1993: 217 dalam kajian yang komprehensif telah mengkaji penulisan pelajar pekak di sekolah menengah pekak Persekutuan Pulau Pinang dengan berdasarkan Tatabahasa Transformasi Generatif. Dalam analisis peringkat frasa didapati pula pembentukan frasa oleh pelajar pekak adalah berlainan dengan pola Bahasa Melayu. Antara kelemahan yang didapati ialah dalam aspek penggunaan kata

penerang, kata kerja dan sebagainya. Oleh yang demikian, disebabkan oleh pengaruh bahasa isyarat natif dalam tulisan mereka.

Pada peringkat ayat, didapati pola binaan ayat mereka adalah berlainan dengan ayat Bahasa Melayu. Kelainan ini bukan akibat daripada kesalahan yang dilakukan tetapi ayat-ayat tersebut adalah umum dan lazim dalam tulisan pelajar pekak kerana banyak sampel yang melakukan hal yang sama. Secara perbandingan, pelajar pekak dikatakan lemah dalam penulisan.

Pendekatan pertuturan pula, memerlukan murid-murid pekak bertutur seperti murid biasa (Adam, 1997). Lazimnya, latihan melalui pendekatan bertutur diberikan kepada murid-murid yang mempunyai sisa-sisa pendengaran. Rasional penggunaan pendekatan pertuturan berasaskan anggapan bahawa murid pekak yang ada sisa pendengaran seharusnya digembleng kebolehan pendengaran mereka semaksimum mungkin untuk menguasai bahasa pertuturan. Anggapan kedua ialah murid pekak merupakan kumpulan minoriti dalam masyarakat yang berkomunikasi melalui pertuturan. Oleh itu, penguasaan bahasa lisan amatlah perlu untuk membolehkan mereka, selesa dalam masyarakat (Paul, 1998).

Dalam mempelajari mana-mana bahasa pertuturan, faktor kebolehan mendengar amat penting (Paul & Quigley, 1994). Ketidakmampuan mendengar menghalang seseorang mengajuk atau meniru bunyi-bunyi sesuatu bahasa yang dipelajari.

Latihan-latihan pendengaran bunyi bahasa dan pertuturan yang diajarkan kepada mereka sedikit sebanyak membantu mereka memahami pertuturan, jika berkomunikasi dengan orang berpendengaran normal. Ini kerana mereka dapat berlatih mengagak bunyi

bahasa, memerhati dan mengecam gerak bibir orang yang dilawan bertutur. Mengecam gerak bibir penutur ialah satu cara untuk memahami pertuturan orang lain bagi orang pekak (Abdullah, 1995a). Murid pekak juga memahami isyarat mereka walaupun dengan bahasa lisan yang tidak jelas.

Walaupun amat sukar bagi mereka mempelajari bahasa lisan, kegigihan mereka patut disanjung, begitu juga kepada kepada guru yang mengajar mereka. Kebolehan murid pekak menguasai bahasa lisan adalah sesuatu yang istimewa. Jika latihan pertuturan dapat dilakukan seawal mungkin, iaitu semasa peringkat bayi lagi secara sistematik oleh profesional dalam bidang pemulihan pertuturan, peluang untuk kanak-kanak pekak bertutur adalah lebih positif (Watson, 1999)

Pendekatan bahasa isyarat orang pekak ialah pendekatan yang menggunakan isyarat sebenar orang pekak dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kepada orang pekak (Paul & Quigley, 1994). Hal ini belum diperkenalkan dan dilaksanakan secara rasmi di Malaysia. Terdapat guru yang menggunakannya secara sedar atau tidak semasa berkomunikasi dengan murid mereka. Bahasa isyarat orang pekak di Malaysia dikenali sebagai 'Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) yang dibentuk oleh (Persatuan Orang Pekak Malaysia).

Pendekatan ini menyampaikan bahasa melalui isyarat sebenar orang pekak yang membabitkan pergerakan badan seperti tangan, mimik muka dan kepala (Kyle & Woll, 1985). Rasional penggunaan pendekatan ini adalah untuk mengiktiraf BIOP (Bahasa Isyarat Orang Pekak) sebagai satu bahasa pemilikan komuniti orang pekak (Kyle & Woll, 1985). Oleh itu, penggunaannya sebagai satu media pendidikan merupakan alat

penyampaian ilmu yang memudahkan mereka memahami apa-apa yang disampaikan, umpamanya amalan ini ada dilaksanakan di United Kingdom, Sweden dan Amerika (Paul, 1998).

Kajian-kajian oleh sarjana linguistik bahasa isyarat orang pekak memperlihatkan bahawa BIOP mempunyai status yang sama dengan bahasa lisan yang dituturkan oleh sesuatu masyarakat, umpamanya kajian Stoke (dalam Maher, 1996) ke atas bahasa isyarat Amerika, dan Kyle dan Woll (1985) ke atas bahasa isyarat British. Bahasa isyarat Indo-Pakistan oleh Zehsan (2000). Manakala kajian ke atas bahasa isyarat Malaysia dengan usaha pertamanya menerbitkan buku 'Bahasa Isyarat Malaysia' (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000).

2.2.1 Pendekatan Komunikasi Seluruh Kod Tangan Bahasa Malaysia

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu murid pekak adalah melalui gabungan daripada dua pendekatan. Pendekatan ini dikenali sebagai 'Komunikasi Seluruh Kod Tangan Bahasa Melayu' 'Komunikasi Seluruh' merujuk situasi seorang guru menggunakan apa-apa sahaja untuk membolehkan muridnya memahami bahasa: mimik muka, lakonan, pertuturan dan sebagainya digunakan (Abdullah, 2002b). Sementara 'Kod Tangan Bahasa Melayu' merujuk penggunaan kod yang disampaikan melalui isyarat bagi mewakili setiap kosa kata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985). Hal ini bermakna guru menggunakan pelbagai media (isyarat, lisan, lakon) semasa mengajar untuk menyesuaikan dengan kebolehan murid yang berbagai-bagai darjah pendengaran. Bagi murid yang pekak sederhana, mereka berpeluang mendengar bunyi bahasa dan yang pekak

teruk dapat memahami melalui isyarat. Mereka juga mungkin lebih faham apabila guru menggunakan berbagai-bagai media semasa mengajar.

Satu elemen penting dalam pengajaran melalui pendekatan ini ialah penggunaan serentak pertuturan dan isyarat. Guru perlu menguasai setiap kod bagi mewakili kosa kata Bahasa Melayu semasa mengajar mengikut topik dan subjek yang diajarkan. Di samping itu, guru juga perlu memahami prinsip penggunaan kod bagi menggambarkan proses morfologi yang berlaku dalam Bahasa Melayu. Umpamanya kod bagi kata dasar, kata majmuk, kata ganda dan kata berimbuhan ada tataranya yang tersendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985). Selain itu, kod bagi setiap jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, apitan dan akhiran mesti dikuasai oleh guru dan murid supaya tidak menimbulkan kekeliruan.

Antara rasional penggunaan pendekatan ini adalah untuk berlaku adil kepada murid pekak yang terdiri daripada pelbagai kategori kepekakan. Ada yang pekak sederhana, teruk dan tidak dapat mendengar langsung. Melalui pendekatan ini, murid pekak dapat memahami pengajaran berdasarkan keupayaan mereka. Yang pekak sedikit melalui lisan, sederhana melalui campuran lisan dan isyarat dan pekak teruk dan sangat teruk melalui isyarat. Istimewanya pendekatan ini ialah murid berpeluang mendengar pertuturan serta melihat isyarat yang disampaikan oleh guru.

Di samping itu, terdapat halangan dalam menggunakan pendekatan ini. Yang pertama adalah yang berkaitan dengan penyelarasan kod, dan kedua adalah berkaitan dengan ketidakcukupan kod bagi merujuk kata dalam bahasa Melayu (Abdullah, 2002b).

2.3 Penutup

Hasil daripada perbincangan kajian berkaitan di atas, dapat dibuat rumusan negara-negara barat begitu mengambil berat terhadap pendidikan orang-orang yang cacat pendengaran dengan kata lain pekak. Walaupun pada peringkat permulaan pengenalan kaedah pengajaran yang diperkenalkan kurang memberi kesempurnaan dalam pembelajaran bahasa orang-orang pekak, tetapi ianya mendapat perhatian untuk memperjuangkan pendidikan untuk orang-orang pekak.

Setiap buah negara masing-masing mempunyai penggunaan kaedah pengajaran yang berlainan dan tersendiri dengan tujuan untuk memberi pendidikan kepada orang-orang pekak. Kesemua kaedah yang terdapat di negara-negara yang dibincangkan ini dijadikan panduan atau rujukan untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang unggul dan terbaik untuk orang-orang pekak. Rentetan sejarah kaedah pengajaran orang-orang pekak telah mengalami perubahan demi perubahan dan akhirnya terbentuklah kaedah pengajaran komunikasi seluruh yang diperkenalkan oleh negara Amerika. Komunikasi seluruh adalah kaedah yang sesuai dan tepat untuk mendidik murid-murid pekak. Untuk itu negara Malaysia menjadikan komunikasi seluruh sebagai panduan untuk diajarkan kepada murid-murid pekak. Walaupun begitu negara Malaysia telah membuat penyesuaian kaedah pengajaran komunikasi seluruh kepada kaedah pengajaran komunikasi seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan.